

# 'Kacang hijau' RM13j

## Taktik sindiket cuba seludup ketamin dapat dihidu di KLIA

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

### Nilai

Campur bungkus berisi kacang hijau bersama serbuk dadah ketamin. Itu antara taktik terbaru sindiket perdagangan dadah yang cuba membawa masuk bahan terlarang itu ke negara ini.

Modus operandi itu dikesan susulan rampasan 42 kotak di Kompleks Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor pada 4 Julai lalu sebelum pihak berkuasa berjaya menemui dadah ketamin dianggarkan bernilai RM13.475 juta.

Ketua Pengarah Kastam Malaysia Datuk Zazuli Johan berkata, sindiket cuba mengaburi pihak berkuasa apabila sebahagian pekot kacang hijau dan kekacang lain dicampur dadah ketamin.

"Bertindak atas maklumat, sepasukan anggota Kastam daripada Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyita 42 kotak di Kompleks Kargo KLIA, jam 11 malam hari kejadian.

"Hasil pemeriksaan ke atas kotak berkenaan menjumpai 49 bungkus plastik yang mengandungi serbuk kristal putih disyaki dadah ketamin dengan berat kasar 245 kilogram (kg). Dadah itu disorokkan bersama biji kacang," katanya pada sidang



ZAZULI (dua dari kiri) menunjukkan dadah yang dibungkus bersama pelbagai jenis kacang pada sidang media rampasan dadah di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kampung Jijian. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

media di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kampung Jijian di sini, semalam.

Beliau berkata, nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM13.475 juta dan dianggap terbesar dilakukan JKDM bagi tahun 2022.

Zazuli berkata, siasatan awal mendapati dagangan dadah itu dieksport dari sebuah negara di Eropah dan transit di sebuah negara Timur Tengah.

"Bungkusan dadah itu kemudian dihantar di KLIA sebagai destinasi terakhir.

Modus operandi sindiket itu adalah dengan cara mengikrarkan barangan itu berisi kacang hijau.

"Ini adalah kes pertama menggunakan modus operandi membungkus dadah bercampur kacang dalam plastik produk bijirin.

"Hasil risikan juga mendapati pengimport me-

malsukan borang ikrar ketika proses pengimportan. Ini secara langsung menyukarkan tangkapan dilakukan terhadap pengimport dagangan berkenaan.

"Bagaimanapun, suspek masih dikesan dan siasatan masih berjalan mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Zazuli berkata, Cawangan Narkotik JKDM berjaya menumpaskan cubaan menyeludup pelbagai jenis dadah termasuk racun seberat 1,036 kilogram dari Januari hingga awal Julai.

**Rampasan ini dianggap terbesar dilakukan JKDM bagi tahun 2022**

Zazuli